

PANDUAN DAN PERATURAN AM MENGISI SURAT TAWARAN PEMBIAYAAN, DOKUMEN PERJANJIAN DAN LAMPIRAN PERJANJIAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PTPTN

1. Pelajar perlu mencetak dua set dokumen tawaran daripada laman web yang mengandungi dokumen-dokumen berikut :-
 - a) Senarai Semak Dokumen
 - b) Surat Tawaran Pembiayaan Pendidikan
 - i. Akuan Penerimaan
 - ii. Surat Kebenaran 1, 2 / 3 / 4 (mengikut yang berkenaan)
 - c) Dokumen Perjanjian Pembiayaan Pendidikan
 - d) Dokumen Lampiran Pembiayaan Pendidikan
 - Pelajar perlu menyediakan **DUA (2) set dokumen** yang merangkumi perkara b),c) dan d) di atas. Bagi perkara a), hanya satu set.
 - 1 set salinan perlu dicetak terus daripada komputer manakala set salinan kedua boleh dibuat salinan pendua (fotostat) sebelum pengisian dilakukan. Kedua-dua set tersebut perlu diisi dan ditandatangani oleh PELAJAR dan SAKSI.
2. Pelajar perlu menyediakan Setem Hasil berharga RM10.00 setiap satu untuk setiap set dokumen tawaran.
3. Setiap cetakan dokumen tawaran mestilah menggunakan kertas putih bersaiz A4 (80 gsm) dengan menggunakan satu muka kertas untuk setiap satu (cetakan tidak dilakukan pada muka hadapan dan belakang pada helaian yang sama. Dakwat cetakan hendaklah berwarna hitam.
4. Disyaratkan supaya setiap dokumen tawaran yang dicetak atau difotokopi mempunyai *watermark* (logo) PTPTN seperti yang dipaparkan di dalam laman web kecuali pada Surat Kebenaran 1, 2, / 3 / 4 (mengikut yang berkenaan).
5. Pelajar hanya boleh menggunakan pen/pen mata bulat (*ball point*) **BERDAKWAT HITAM** atau **BIRU** sahaja. Pastikan hanya satu warna pen sahaja digunakan.
6. Setiap dokumen hendaklah **DITULIS DENGAN TANGAN** dan **BERHURUF BESAR**.
7. Jika berlaku **KESILAPAN** semasa **MENGISI DOKUMEN TAWARAN**, pelajar perlu gariskan satu garisan lurus dan turunkan tandatangan ringkas di hujung sebelah kanan tempat yang salah (**dilarang sama sekali menggunakan sebarang getah atau cecair pemadam (liquid paper)**).
8. Cara-cara mengisi **SURAT TAWARAN PEMBIAYAAN**:
 - i) Pelajar perlu menyemak butir-butir diri serta maklumat pengajian dan pembiayaan seperti yang terdapat di dalam Dokumen Tawaran Pembiayaan Pendidikan PTPTN.

- ii) Hanya pindaan pada ejaan **Nama, Alamat, Nama Bank dan Nombor Akaun Bank** sahaja yang dibenarkan. **Pindaan hendaklah dibuat pada Surat Tawaran Pembiayaan serta mengisi Borang Pindaan Maklumat** (boleh diperolehi dalam laman web PTPTN – www.ptptn.gov.my). Setiap pindaan mestilah disertakan dengan **salinan dokumen sokongan** yang telah disahkan.
- iii) **Akaun Penerimaan** – Pelajar perlu menulis TARIKH SURAT dan menurunkan TANDATANGAN serta TARIKH (Tarikh perjanjian ditandatangani) di ruangan yang disediakan.
- iv) **Surat Kebenaran 1, 2, 3 dan 4** (mengikut yang berkenaan)- Pelajar perlu menurunkan TANDATANGAN dan TARIKH (Tarikh perjanjian ditandatangani) di ruangan yang disediakan.

9. Cara-cara mengisi **DOKUMEN PERJANJIAN PEMBIAYAAN:**

- i) Pelajar perlu menyemak maklumat pada **Jadual Pembiayaan**.
- ii) Pelajar perlu lekatkan setem hasil bernilai RM10 diruangan yang disediakan.
- iii) Pelajar perlu mengisi **TARIKH PERJANJIAN** pada ruangan di **Bahagian I**.
- iv) Pelajar perlu menurunkan **TANDATANGAN PELAJAR** di ruangan yang disediakan.
- v) Pelajar perlu pastikan butir-butir maklumat saksi dilengkapkan oleh saksi.

10. Cara-cara mengisi **LAMPIRAN PERJANJIAN PEMBIAYAAN:**

Pelajar perlu menurunkan tandatangan ringkas pada **setiap muka surat** pada ruangan yang disediakan di bahagian bawah lampiran.

11. **CUKAI SETEM/SETEM HASIL:**

- a. Dokumen perjanjian yang telah disempurnakan hendaklah dilekatkan **SETEM HASIL** berharga RM10.00 pada setiap dokumen **PERJANJIAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN** sahaja.
- b. Setem Hasil tersebut hendaklah dilekatkan di sudut kanan atas di muka hadapan pada kedua-dua set Dokumen Perjanjian Pembiayaan Pendidikan (di ruangan yang disediakan).

atau

c. Kaedah mematikan **Setem Hasil:**

- i) Membayar cukai setem sebanyak RM10.00 setiap satu dokumen di Pejabat Duti Setem dengan membawa bersama-sama kesemua set dokumen perjanjian yang telah lengkap diisi,

ATAU;

- ii) Menyerah dokumen perjanjian yang telah ditampal setem hasil kepada pegawai PTPTN untuk dimatikan.

d. Tarikh mati setem hasil mestilah sama bagi kedua-dua set dokumen perjanjian.

12. Dokumen yang telah dilengkapkan dan perlu dikembalikan segera kepada PTPTN ialah:

- a) Senarai Semak Dokumen -1 set
- b) 2 set bagi setiap dokumen berikut:*

 - i. Surat Tawaran Pembiayaan Pendidikan ;
 - ii. Akuan Penerimaan;
 - iii. Surat Kebenaran 1, 2 / 3 / 4 (mengikut yang berkenaan);
 - iv. Dokumen Perjanjian Pembiayaan Pendidikan yang telah ditampal Setem Hasil/dibayar cukai setem di Pejabat Duti setem;
 - v. Dokumen Lampiran Pembiayaan Pendidikan;

*[Setiap satu set adalah untuk **Pelajar dan PTPTN**. Bagi Lampiran Perjanjian, pelajar dikehendaki untuk menurunkan tandatangan ringkas pada setiap helaian muka surat.]

c) Dokumen sokongan.

Di antara **dokumen sokongan** yang telah ditetapkan untuk diserahkan adalah seperti berikut:-

- i. Salinan Kad Pengenalan pemohon (muka hadapan dan belakang dibuat salinan pada muka surat yang sama)
- ii. Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
(Nota: Bagi yang mengemukakan salinan slip keputusan peperiksaan SPM/SPMV, hanya slip yang tidak melebihi tempoh 2 tahun dari tahun peperiksaan diambil boleh diterima pakai)
- iii. Salinan Surat Tawaran Kemasukan ke IPT (surat tawaran dari cetakan laman web IPT boleh diterima tetapi hendaklah disahkan oleh pegawai di IPT terbabit sahaja)
- iv. Salinan Buku Akaun Bank (muka surat yang tercatat nombor akaun)/Salinan Slip Deposit/Salinan Pengesahan nombor akaun persendirian mengikut bank yang telah ditetapkan oleh PTPTN mengikut IPT masing-masing. Salinan tersebut mestilah mempunyai maklumat iaitu nama, nombor kad pengenalan dan nombor akaun pemohon. (Dokumen ini diperlukan sekiranya nombor akaun yang tercetak di Dokumen Tawaran pelajar salah)
- v. Salinan transkrip keputusan peperiksaan dan sijil kelayakan masuk lain.
Contoh: STPM/DIPLOMA/MATRIKULASI/IJAZAH SARJANA MUDA/IJAZAH SARJANA (MASTER)
(Nota: Sila sertakan surat pengesahan tamat pengajian dari IPT yang mengendalikan kelayakan masuk tersebut jika pemohon belum menerima sijil dan transkrip peperiksaan juga tidak dinyatakan bahawa pelajar telah menamatkan pengajian/layak dianugerahkan sijil)
- vi. Salinan Slip Gaji (ketika permohonan dikemukakan)/Salinan Borang Cukai Pendapatan (Individu)/Salinan Kad Pesara/Salinan Pengesahan

Tidak Bekerja-IBU BAPA/PENJAGA/PEMOHON/PASANGAN
PEMOHON

- vii. Salinan Surat Pengesahan/Surat Akuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat/Pusat Zakat/sekiranya pemohon/ibu bapa kandung/penjaga merupakan penerima bantuan bulanan dari agensi berkenaan
 - viii. Bagi pelajar-pelajar yang membuat permohonan Pembiayaan Pendidikan PTPTN pada semester ke 2 pengajian dan ke atas, dokumen sokongan tambahan (**WAJIB**) yang perlu dikemukakan oleh pelajar adalah seperti berikut:-
 - i. Salinan Surat Pengesahan Masih Belajar dari IPT. Pengesahan daripada Dekan/Ketua Program/Pegawai Hal Ehwal Pelajar.
 - ii. Salinan keputusan peperiksaan setiap semester sebelumnya.
- Salinan dokumen sokongan di atas hendaklah disediakan pelajar dengan menggunakan kertas **BERSAIZ A4** berwarna putih dan **DISAHKAN** oleh pegawai yang layak.
 - Setiap Salinan dokumen sokongan hendaklah dipalang dua(2) garisan lurus dan ditulis "**Kegunaan PTPTN Sahaja**".
 - Pegawai yang layak menjadi saksi **PELAJAR** dan mengesahkan dokumen sokongan di atas adalah seperti berikut:
 - a) Wakil Rakyat/Senator
 - b) Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional
 - c) Pengamal Undang-undang
 - d) Pesuruhjaya Sumpah/ Jaksa Pendamai
 - e) Pengetua/ Guru Besar (sekolah kerajaan sahaja)
 - f) Pegawai Polis berpangkat ASP dan ke atas/ Pegawai Tentera berpangkat Kapten atau setaraf dan ke atas.
 - g) Ketua Kampung/ Penggawa/ Penghulu/ Ketua Masyarakat/ Sidang/ Pegawai Pembangunan Mukim/ Pengerusi JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung).
 - h) Untuk SABAH dan Sarawak – Ketua Kaum/ Ketua Anak Negeri/ Kapitan/ Pemanca/ Pegawai Taman Sabah.
 - i) Pegawai-pegawai IPTS yang mendapat kebenaran bertulis daripada PTPTN.

(Semua pegawai atau saksi hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia. Cop pegawai atau saksi hendaklah lengkap mempunyai **jawatan pegawai** dan **jabatan/alamat di mana pegawai bertugas**)

13. Dokumen di atas hendaklah **DISERAHKAN** melalui serahan tangan atau pos kepada PTPTN di alamat berikut :

Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana
Off Jalan Semantan,
Damansara Heights

50490 Kuala Lumpur
WILAYAH PERSEKUTUAN
(u.p. Seksyen Penyelarasan dan Pemantauan)

PERHATIAN :

Pihak PTPTN berhak menolak dokumen yang tidak lengkap, tidak kemas, kotor dan terlalu banyak kesilapan serta saksi yang tidak layak.

SE

SENARAI SEMAKAN DOKUMEN YANG PERLU DISERAHKAN MENGIKUT TURUTAN

NAMA PENERIMA BIAYA : NUR AIN BINTI MAPPAIRE
NOMBOR KAD PENGENALAN : 890502125290
INSTITUSI : UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

BIL	PERKARA	Untuk kegunaan PTPTN
DOKUMEN PERJANJIAN		
1	Surat Tawaran Pembiayaan Pendidikan	<input type="checkbox"/> ____ Set
2	Akuan Penerimaan	<input type="checkbox"/> ____ Set
3	Surat Kebenaran 1, 2, 3 dan 4	<input type="checkbox"/> ____ Set
4	Perjanjian Pembiayaan Pendidikan	<input type="checkbox"/> ____ Set
5	Lampiran Perjanjian Pembiayaan Pendidikan - Ditandatangani ringkas oleh Penerima Biaya di setiap muka surat.	<input type="checkbox"/> ____ Set
DOKUMEN YANG PERLU DISAHKAN / DITANDATANGANI		
1	Maklumat Permohonan Pembiayaan (boleh dicetak di butang CETAK MAKLUMAT di laman web Permohonan Online yang didaftar oleh Penerima Biaya) - dokumen ini tidak perlu disahkan	<input type="checkbox"/> ____ Set
2	Salinan Kad Pengenalan Penerima Biaya	<input type="checkbox"/> ____ Set
3	Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM/SPMV) (bagi yang mengemukakan salinan slip keputusan peperiksaan SPM/SPMV, hanya slip yang tidak melebihi tempoh 2 tahun dari tahun peperiksaan diambil boleh diterima pakai)	<input type="checkbox"/> ____ Set
4	Salinan Surat Tawaran Kemasukan ke IPT (Sekiranya cetakan dibuat melalui Internet/Portal IPT, surat tawaran hendaklah disahkan oleh Pegawai Kumpulan A bagi IPT pelajar berkenaan sahaja)	<input type="checkbox"/> ____ Set
5	Salinan buku akaun (muka surat yang tercatat nombor akaun) / Salinan Slip Deposit Bank / Salinan Pengesahan nombor akaun persendirian mengikut bank yang telah ditetapkan oleh IPT (sekiranya nombor akaun yang tercatat di Dokumen Perjanjian Penerima Biaya salah)	<input type="checkbox"/> ____ Set
6	Salinan transkrip keputusan peperiksaan dan sijil kelayakan masuk lain. Contoh : STPM / Diploma / Matrikulasi/Ijazah/Sarjana	<input type="checkbox"/> ____ Set
7	Salinan Slip Gaji / Salinan Borang Cukai Pendapatan (Individu) / Salinan Kad Pesara / Salinan Penyata Pencen / Surat Pengesahan Pendapatan / Surat Pengesahan Tidak Bekerja - PENJAGA PERTAMA (1)	<input type="checkbox"/> ____ Set
8	Salinan Slip Gaji / Salinan Borang Cukai Pendapatan (Individu) / Salinan Kad Pesara / Salinan Penyata Pencen / Surat Pengesahan Pendapatan / Surat Pengesahan Tidak Bekerja - PENJAGA KEDUA (2)	<input type="checkbox"/> ____ Set
9	Salinan Slip Gaji / Salinan Borang Cukai Pendapatan (Individu) / Surat Pengesahan Pendapatan – PENERIMA BIAYA	<input type="checkbox"/> ____ Set
10	Salinan Slip Gaji / Salinan Borang Cukai Pendapatan (Individu) / Surat Pengesahan Pendapatan / Surat Pengesahan Tidak Bekerja - PASANGAN PENERIMA BIAYA	<input type="checkbox"/> ____ Set
11	Salinan Surat Pengesahan / Surat Akuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat / Pusat Zakat sekiranya penerima bantuan bulanan dari Agensi berkenaan- PENERIMA BIAYA / IBU BAPA KANDUNG / PENJAGA.	<input type="checkbox"/> ____ Set
12	Salinan Surat Pengesahan Masih Belajar Dari IPT. (Hanya tertakluk kepada Penerima Biaya yang diluluskan atau mengemukakan dokumen pembiayaan pada semester kedua dan ke atas)	<input type="checkbox"/> ____ Set
13	Salinan Keputusan Peperiksaan Setiap Semester Sebelumnya. (Hanya tertakluk kepada Penerima Biaya yang diluluskan atau mengemukakan dokumen pembiayaan pada semester kedua dan ke atas)	<input type="checkbox"/> ____ Set
14	Salinan Surat Pengesahan Pengalaman Kerja daripada Majikan. (Bagi Penerima Biaya yang menggunakan pengalaman kerja sebagai salah satu syarat kelayakan masuk)	<input type="checkbox"/> ____ Set

"KELULUSAN PEMBIAYAAN INI ADALAH SECARA BERSYARAT. KELULUSAN SEBENAR ADALAH TERTAKLUK SEKIRANYA PENERIMA BIAYA MENEPATI SYARAT KELAYAKAN MASUK IPT DAN SYARAT YANG DITETAPKAN OLEH PTPTN KETIKA SESI SEMAKAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN PERJANJIAN KEPADA PTPTN"

Untuk kegunaan PTPTN sahaja:

STATUS PERMOHONAN: TERIMA/TOLAK

Catatan: _____

Disemak oleh (Pegawai PTPTN):

Truyah

30/07/10

Tarikh: _____

(Nama Pegawai & Cop Rasmi Jawatan)

Truyah Usah
Pembantu Tadbir
Perbadanan Tabung
Pendidikan Tinggi Nasional

CONTOH



PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL
 Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana,
 Off Jalan Semantan,
 Damansara Heights,
 50490 Kuala Lumpur

Telefon : 03 2092 7788
 Faks: 20942769/20983769
 Laman Web: www.ptptn.gov.my
 Emel:Penyata@ptptn.gov.my

NUR AIN BINTI MAPPAIRE
 NO.11 JALAN KUKUSAN, KEDAI RUNCIT MARWAN,
 TG.BATU TENGAH,
 91000 TAWAU,
 SABAH

NOMBOR SURAT TAWARAN : 2010/995729
 TARIKH : 22/07/2010

SURAT TAWARAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

Sukacita dimaklumkan bahawa tuan/puan adalah ditawarkan Pembiayaan Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) berasaskan kaedah Ujrah (Upah). Maklumat tawaran seperti berikut:

(i)	INSTITUSI	UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
(ii)	JURUSAN	SASTERA
(iii)	KURSUS/PROGRAM	SEPENUH MASA-IJAZAH SARJANA MUDA SAINS
(iv)	JENIS PENGAJIAN	SEPENUH MASA
(v)	PERINGKAT PENGAJIAN	IJAZAH PERTAMA SEPENUH MASA
(vi)	TEMPOH PENGELUARAN PEMBIAYAAN	8 SEMESTER
	MULAI	01/07/2010
	HINGGA	31/12/2014
(vii)	PEMBIAYAAN YANG DILULUSKAN	RM 10,500.00
(viii)	TEMPOH BAYARAN BALIK	10 TAHUN
(ix)	UPAH PENGURUSAN PEMBIAYAAN	RM 1,050.00 (PEMBIAYAAN YANG DILULUSKAN X 1% SETAHUN X TEMPOH BAYARAN BALIK)
(x)	ANSURAN BULANAN	RM 96.25 SELAMA 120 BULAN
(xi)	CARA BAYARAN BALIK	PENERIMA BIAYA YANG BERKERJA HENDAKLAH MEMBAYAR ANSURAN BULANAN MELALUI LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI PTPTN BERHAK MENGUBAH CARA BAYARAN BALIK DENGAN MEMBERI NOTIS BERTULIS KEPADA TUAN/PUAN

2. Sekiranya tuan/puan bersetuju menerima tawaran ini, sila lengkapkan Dokumen Perjanjian dan kembalikannya bersama-sama dokumen sokongan kepada PTPTN dalam tempoh 90 hari daripada tarikh surat ini. Sekiranya dokumen-dokumen tersebut tidak dikembalikan dengan lengkap dalam tempoh tersebut, tawaran ini boleh dibatalkan oleh PTPTN atas budi bicara mutlaknya.

3. Walau apa pun peruntukan di dalam surat ini, PTPTN berhak meminda syarat-syarat dan terma-terma yang ditetapkan pada bila-bila masa berdasarkan keperluan tertentu dan tuan/puan adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut. PTPTN juga berhak menarik balik tawaran ini tanpa perlu memberi sebarang sebab.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(WAN ZAWIAH BINTI WAN ABU BAKAR)
 b.p. Ketua Eksekutif
 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

Dokumen ini adalah cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan
 “Dana Pendidikan Pemangkin Pembangunan Negara”

CONTOH

AKUAN PENERIMAAN

NAMA PENERIMA BIAYA	NUR AIN BINTI MAPPAIRE
NOMBOR KAD PENGENALAN	890502125290
KURSUS/PROGRAM	SEPENUH MASA-IJAZAH SARJANA MUDA SAINS
INSTITUSI	UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
NOMBOR SURAT TAWARAN	2010/995729
TARIKH SURAT TAWARAN	22/07/2010
NOMBOR AKAUN BANK	10025020378067
NAMA BANK	BIMB

Saya seperti nama di atas telah membaca dan memahami segala syarat dan terma Pembiayaan seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran Pembiayaan mengikut nombor dan tarikh surat tawaran yang tertera di atas.

Saya bersetuju menerima tawaran Pembiayaan Pendidikan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional berasaskan kaedah Ujrah (Upah) seperti yang terkandung dalam surat tawaran tersebut.

Saya juga mengesahkan bahawa nombor kad pengenalan, kursus/program dan institusi, nombor akaun dan nama bank yang tertera di atas adalah betul.

Tandatangan: *Nur ain*

Tarikh: *09/07/2010*

*** 890502125290 ***

890502125290

*** 995729 ***

995729

CONTOH

SURAT KEBENARAN 1

NAMA PENERIMA BIAYA NUR AIN BINTI MAPPAIRE
NOMBOR KAD PENGENALAN 890502125290
ALAMAT NO.11 JALAN KUKUSAN, KEDAI RUNCIT MARWAN,
 TG.BATU TENGAH,
 91000 TAWAU,
 SABAH

Tarikh 09/07/2010

Kepada:

Tuan,

KEBENARAN/KEIZINAN MENGHUBUNGI LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI/KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA/PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL/BANK/MANA-MANA AGENSI LAIN UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT BERKAITAN PENERIMA BIAYA

NOMBOR SURAT TAWARAN : 2010/995729

TARIKH: 22/12/2010

Saya seperti nama di atas, membenarkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk menghubungi agensi-agensi yang tersebut di atas bagi tujuan mendapatkan maklumat berkaitan saya pada bila-bila masa diperlukan.

2. Surat kebenaran ini adalah sebagai memenuhi sebahagian syarat-syarat Pembiayaan Pendidikan yang diluluskan oleh PTPTN mengikut Surat Tawaran Pembiayaan Pendidikan seperti di atas.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Nur ain

 (Tandatangan Penerima Biaya)

* 890502125290 *

890502125290

* 995729 *

995729

CONTOH

SURAT KEBENARAN 2

NAMA PENERIMA BIAYA NUR AIN BINTI MAPPAIRE
NOMBOR KAD PENGENALAN 890502125290
ALAMAT NO.11 JALAN KUKUSAN, KEDAI RUNCIT MARWAN,
 TG.BATU TENGAH,
 91000 TAWAU,
 SABAH

Tarikh 09/07/2010

Kepada:

Tuan,

KEBENARAN/KEIZINAN PEMOTONGAN GAJI KEPADA MAJIKAN BERKENAAN UNTUK BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

NOMBOR SURAT TAWARAN : 2010/995729

TARIKH: 22/07/2010

Saya seperti nama di atas, dengan ini bersetuju memberi kebenaran/keizinan kepada tuan supaya memotong sebahagian/sejumlah amaun yang ditentukan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) daripada gaji saya untuk dibayar kepada PTPTN sebagai bayaran balik Pembiayaan Pendidikan PTPTN.

2. Surat kebenaran ini adalah sebagai memenuhi sebahagian syarat-syarat Pembiayaan Pendidikan yang diluluskan oleh PTPTN mengikut Surat Tawaran Pembiayaan Pendidikan seperti di atas.
3. Surat ini sah sehingga keseluruhan Pembiayaan Pendidikan tersebut dilunaskan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Nurain

 (Tandatangan Penerima Biaya)

890502125290

890502125290

995729

995729

CONTOH

SURAT KEBENARAN 3

NAMA PENERIMA BIAYA NUR AIN BINTI MAPPAIRE
NOMBOR KAD PENGENALAN 890502125290
ALAMAT NO.11 JALAN KUKUSAN, KEDAI RUNCIT MARWAN,
 TG.BATU TENGAH,
 91000 TAWAU,
 SABAH

Tarikh 09/07/2010

Kepada: JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) / MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA) / LAIN-LAIN PENAJA

Tuan,

KEBENARAN/KEIZINAN PEMOTONGAN BIASISWA/DERMASISWA/PEMBIAYAAN/PINJAMAN/TAJAAN ATAU LAIN-LAIN BENTUK BANTUAN KEWANGAN UNTUK BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

NOMBOR SURAT TAWARAN : 2010/995729

TARIKH: 22/07/2010

Saya seperti nama di atas, dengan ini bersetuju memberi kebenaran/keizinan kepada tuan supaya memotong sebahagian/sejumlah amaun yang ditentukan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) daripada biasiswa/dermasiswa/pembiayaan/pinjaman/tajaan Pendidikan saya yang diperolehi selain daripada PTPTN untuk dibayar kepada PTPTN sebagai bayaran balik Pembiayaan Pendidikan PTPTN.

2. Surat kebenaran ini adalah sebagai memenuhi sebahagian syarat-syarat Pembiayaan Pendidikan yang diluluskan oleh PTPTN mengikut Surat Tawaran Pembiayaan Pendidikan seperti di atas.
3. Surat ini sah sehingga keseluruhan Pembiayaan tersebut dilunaskan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Nur ain

(Tandatangan Penerima Biaya)

890502125290

890502125290

995729

995729

CONTOH

SURAT KEBENARAN 4

NAMA PENERIMA BIAYA NUR AIN BINTI MAPPAIRE
NOMBOR KAD PENGENALAN 890502125290
ALAMAT NO.11 JALAN KUKUSAN, KEDAI RUNCIT MARWAN,
 TG.BATU TENGAH,
 91000 TAWAU,
 SABAH

Tarikh 09/07/2010

Kepada:

Tuan,

KEBENARAN/KEIZINAN PEMOTONGAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN UNTUK BAYARAN YURAN PENGAJIAN KEPADA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) PENERIMA BIAYA

NOMBOR SURAT TAWARAN : 2010/995729

TARIKH: 22/07/2010

Saya seperti nama di atas, dengan ini bersetuju memberi kebenaran/keizinan kepada tuan supaya memotong daripada Pembiayaan Pendidikan saya sejumlah amaun yang ditentukan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) atau IPT saya untuk bayaran yuran pengajian yang dikenakan oleh universiti, kolej atau institusi di mana saya mengikuti kursus pengajian.

2. Surat kebenaran ini adalah sebagai memenuhi sebahagian syarat-syarat Pembiayaan Pendidikan yang diluluskan oleh PTPTN mengikut Surat Tawaran Pembiayaan Pendidikan seperti di atas.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Nur ain

 (Tandatangan Penerima Biaya)

890502125290

890502125290

995729

995729

CONTOH

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

Setem
Hasil RM
10

PERJANJIAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

1. PERJANJIAN INI dibuat pada haribulan dan tahun seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian I Jadual Pembiayaan ANTARA Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional suatu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (kemudian daripada ini disebut "PERBADANAN") sebagai pihak pertama DENGAN Penerima Biaya seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian II Jadual Pembiayaan (kemudian daripada ini disebut "PENERIMA BIAYA") sebagai pihak kedua. PERJANJIAN INI adalah berasaskan kaedah Ujrah (Upah) di mana PERBADANAN sebagai Pemberi Khidmat Pengurusan Pembiayaan Pendidikan akan mengenakan upah (kemudian daripada ini disebut "Upah Pengurusan Pembiayaan") kepada PENERIMA BIAYA sebagai Penerima Pembiayaan Pendidikan.
2. Sebagai balasan bagi Perkara-Perkara yang tersebut di dalam Lampiran Perjanjian Pembiayaan Pendidikan, PERBADANAN dengan ini bersetuju untuk menguruskan Pembiayaan Pendidikan PENERIMA BIAYA seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian III Jadual Pembiayaan (kemudian daripada ini disebut "Pembiayaan Tersebut") yang akan dikeluarkan secara berperingkat seperti yang dinyatakan dalam Fasal 2 Lampiran Perjanjian ini untuk sepanjang tempoh pengeluaran Pembiayaan yang telah diluluskan oleh PERBADANAN. Pembiayaan tersebut akan dikeluarkan oleh PERBADANAN terus kepada akaun bank PENERIMA BIAYA, di bank seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian IV Jadual Pembiayaan, yang disahkan oleh PENERIMA BIAYA bernombor seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian V Jadual Pembiayaan atau lain-lain cara yang diputuskan lebih sesuai oleh PERBADANAN dari semasa ke semasa.
3. PENERIMA BIAYA dengan ini bersetuju untuk membayar balik Pembiayaan Tersebut beserta dengan Upah Pengurusan Pembiayaan seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian VII Jadual Pembiayaan kepada PERBADANAN dalam tempoh bayaran balik seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian VIII Jadual Pembiayaan bermula dari Tarikh Permulaan Bayaran Balik seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian IX Jadual Pembiayaan.
4. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa Surat Tawaran Pembiayaan Pendidikan seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian VI Jadual Pembiayaan dan apa-apa tambahan atau pindaan kepadanya, Lampiran Perjanjian Pembiayaan Pendidikan dan apa-apa Pekeliling Rasmi PERBADANAN yang dikeluarkan oleh PERBADANAN dari semasa ke semasa melalui apa-apa cara sekali pun hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

CONTOH

JADUAL PEMBIAYAAN		
BAHAGIAN	PERKARA	BUTIR-BUTIR
I)	TARIKH PERJANJIAN	PADA:..... HARIBULAN: TAHUN :.....
II)	NAMA PENERIMA BIAYA NO. KAD PENGENALAN	NUR AIN BINTI MAPPAIRE 890502125290
III)	PEMBIAYAAN YANG DILULUSKAN	RM 10,500.00
IV)	NAMA BANK	BIMB
V)	NO. AKAUN BANK	10025020378067
VI)	NO. SURAT TAWARAN	2010/995729
VII)	UPAH PENGURUSAN PEMBIAYAAN	RM 1,050.00 (PEMBIAYAAN YANG DILULUSKAN X 1% SETAHUN X TEMPOH BAYARAN BALIK)
VIII)	TEMPOH BAYARAN BALIK	10 TAHUN
IX)	TARIKH PERMULAAN BAYARAN BALIK	SECARA ANSURAN BULANAN TIDAK LEWAT DARI ENAM (6) BULAN SELEPAS TAMAT TEMPOH PENGELUARAN PEMBIAYAAN

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, saya mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami syarat-syarat dan terma-terma Pembiayaan yang dinyatakan di dalam Perjanjian Pembiayaan Pendidikan ini termasuk Lampiran Perjanjian Pembiayaan Pendidikan yang akan dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini dan pihak-pihak yang tersebut dalam Perjanjian ini BERSETUJU menurunkan tandatangan dan meterai mereka di sini pada haribulan dan tahun seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian I Jadual Pembiayaan untuk mematuhi segala syarat dan terma Perjanjian Pembiayaan Pendidikan ini.

nurain

Ditandatangani oleh PENERIMA BIAYA)

(Tandatangan PENERIMA BIAYA)

Nama PENERIMA BIAYA: **NUR AIN BINTI MAPPAIRE**

Disaksikan oleh:

Nama Saksi :)

No. Kad Pengenalan: **Salwani Binti Ibrahim**)
Pegawai Psikologi)

Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan: **Universiti Teknologi MARA PAHANG**)
26400 Bandar Jengka)

Pahang Darul Makmur
K/P : 770827-06-5752

Salwani

(Tandatangan Saksi PENERIMA BIAYA)

CONTOH

Ditandatangani bagi pihak PERBADANAN)

(Tandatangan Pegawai **PERBADANAN**)

Nama Pegawai: _____

Disaksikan oleh:

Nama Saksi :)

No. Kad Pengenalan:)

Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan:)

(Tandatangan Saksi **PERBADANAN**)

CONTOH

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL
LAMPIRAN PERJANJIAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

BAHAWASANYA PERBADANAN telah bersetuju untuk menguruskan Pembiayaan Pendidikan, (kemudian daripada ini disebut "Pembiayaan Tersebut") kepada PENERIMA BIAYA tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Pembiayaan Pendidikan.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIAKUI PERKARA-PERKARA BERIKUT:-

1. PENERIMA BIAYA, dengan ini bersetuju:
 - (a) bahawa PENERIMA BIAYA, akan menumpukan sepenuh perhatian kepada kursus pengajian yang diikuti dengan menghadiri kuliah, tutorial, latihan amali dan sebagainya serta memasuki semua ujian atau peperiksaan yang disyaratkan dalam kursus pengajiannya di universiti, kolej atau institusi sebagaimana yang diluluskan oleh PERBADANAN;
 - (b) bahawa PENERIMA BIAYA, semasa dalam tempoh kursus pengajian itu, akan mematuhi apa-apa peraturan dan tata tertib sebagaimana yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa dalam universiti, kolej atau institusi tersebut;
 - (c) bahawa PENERIMA BIAYA, semasa dalam tempoh kursus pengajian itu tidak akan menjadi ahli atau mengambil bahagian di dalam parti politik, kesatuan sekerja, pertubuhan badan atau kumpulan sama ada di dalam atau di luar institusi, yang telah ditetapkan secara bertulis oleh pihak yang diberi kuasa di setiap institusi tersebut sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan Malaysia, PENERIMA BIAYA atau institusi tersebut;
 - (d) bahawa PENERIMA BIAYA, bertanggungjawab sepenuhnya membayar daripada Pembiayaan Tersebut segala yuran pengajian dan apa-apa kos lain yang dikenakan oleh universiti, kolej atau institusi di mana PENERIMA BIAYA mengikuti kursus pengajian tersebut;
 - (e) bahawa Pembiayaan Tersebut dikenakan Upah Pengurusan Pembiayaan sebanyak 1% setahun atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh PERBADANAN dari semasa ke semasa ke atas Jumlah Pembiayaan sepanjang tempoh bayaran balik yang ditetapkan mulai Tarikh Permulaan Bayaran Balik Pembiayaan Tersebut;
 - (f) bahawa penentuan tarikh sebenar tamat tempoh pengeluaran Pembiayaan dalam Perjanjian Pembiayaan Pendidikan adalah ditentukan oleh PERBADANAN atas budi bicara mutlakanya;
 - (g) bahawa PENERIMA BIAYA, hendaklah membayar balik semua Pembiayaan Tersebut beserta Upah Pengurusan Pembiayaan (kemudian daripada ini disebut "Keseluruhan Pembiayaan Tersebut") kepada PERBADANAN berdasarkan kaedah yang ditetapkan;
 - (h) bahawa segala maklumat berkaitan dengan Perjanjian Pembiayaan Pendidikan boleh diberikan oleh PERBADANAN kepada mana-mana biro Pinjaman/Pembiayaan atau agensi yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia, mana-mana biro lain yang diluluskan oleh Persatuan Syarikat-Syarikat Kewangan di Malaysia dan pihak-pihak ketiga lain yang berkemungkinan berurusan dengan PENERIMA BIAYA dan, pihak PERBADANAN tidak akan menanggung apa-apa liabiliti jika berlaku sebarang kerugian atau kehilangan sama ada secara langsung atau tidak langsung. PERBADANAN juga berhak pada bila-bila masa untuk meminta pihak-pihak di atas menahan apa-apa kemudahan yang dipohon oleh PENERIMA BIAYA; dan

Tandatangan ringkas

nurain

T.T Penerima Biaya

CONTOH

- (j) membenarkan PERBADANAN menyiarkan maklumat PENERIMA BIAYA yang gagal menjelaskan Keseluruhan Pembiayaan Tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh PERBADANAN di dalam mana-mana siaran media sebaran am termasuk akhbar, televisyen, radio dan laman *web*. PERBADANAN tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, secara langsung atau tidak langsung, yang diakibatkan oleh pendedahan berkenaan, sama ada kepada PERBADANAN atau mana-mana pihak lain.
2. Pembiayaan Tersebut akan dikeluarkan secara berperingkat mengikut kaedah pengajian yang dijalani oleh PENERIMA BIAYA (penggal atau semester) yang dikira secara pro-rata. Jika PENERIMA BIAYA digantung mana-mana penggal atau semester, atau memperolehi keputusan peperiksaan bagi semester tersebut kurang daripada tahap yang ditetapkan oleh PERBADANAN dari semasa ke semasa, maka PERBADANAN berhak menggantung pengeluaran Pembiayaan Tersebut bagi tempoh penggantungan itu. Pengeluaran Pembiayaan Tersebut boleh atas budi bicara mutlak PERBADANAN disambung semula apabila PENERIMA BIAYA menyambung semula pengajian atau mendapat keputusan peperiksaan sebagaimana yang ditetapkan oleh PERBADANAN. Walau apa pun yang tersebut di atas, PERBADANAN boleh menurut budi bicara mutlaknya untuk menentukan kaedah pengeluaran yang sesuai bagi PENERIMA BIAYA. PERBADANAN juga berhak untuk menamatkan Perjanjian Pembiayaan Pendidikan sekiranya PENERIMA BIAYA menamatkan pengajiannya lebih awal daripada tempoh pengeluaran Pembiayaan Tersebut.
3. Sekiranya PENERIMA BIAYA perlu untuk menukarkan nombor akaun dan bank kepada yang baru, PENERIMA BIAYA hendaklah memaklumkan nombor akaun dan bank yang baru itu secara bertulis kepada PERBADANAN secepat mungkin dan surat berkenaan hendaklah dibaca bersama-sama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian Pembiayaan Pendidikan.
4. Sekiranya Pembiayaan Tersebut dikeluarkan oleh PERBADANAN dengan cara pengeluaran terus kepada universiti, kolej atau institusi berkenaan, potongan bagi bayaran yuran pengajian akan dibuat oleh universiti, kolej atau institusi mengikut amalan/peraturan universiti, kolej atau institusi berkenaan. PENERIMA BIAYA adalah dikehendaki membuka akaun bank dan memaklumkan kepada universiti, kolej atau institusi nombor akaun masing-masing.
5. Untuk melindungi kepentingan PERBADANAN akibat kematian atau apa-apa keilatan kekal menyeluruh yang dialami oleh PENERIMA BIAYA di sepanjang tempoh pengeluaran Pembiayaan Tersebut dan tempoh pembayaran balik Keseluruhan Pembiayaan Tersebut, PERBADANAN adalah berhak mengikut budi bicara mutlaknya mengambil dan memenuhi apa-apa prosedur bagi mengambil termasuk memberikan akad bagi pihak PENERIMA BIAYA perlindungan insurans ke atas Pembiayaan Tersebut daripada penawar pakej insurans yang diluluskan oleh PERBADANAN dan PENERIMA BIAYA adalah dikehendaki menanggung semua kos termasuk sumbangan bagi perlindungan insurans tersebut. PENERIMA BIAYA adalah dengan ini memberi persetujuan yang tidak boleh dibatalkan untuk membenarkan PERBADANAN memotong terus kos perlindungan insurans ini daripada Pembiayaan Tersebut yang dikeluarkan oleh PERBADANAN kepada PENERIMA BIAYA atau mengikut apa-apa kaedah yang ditetapkan oleh PERBADANAN. Walau apa pun peruntukan di atas, PERBADANAN atas budi bicara mutlaknya berhak untuk menuntut daripada PENERIMA BIAYA, waris-waris, wasi-wasi penerima-penerima serahak PENERIMA BIAYA, apa-apa jumlah yang masih terhutang kepada PERBADANAN yang tidak dilindungi insurans.
6. PENERIMA BIAYA yang bekerja makan gaji dikehendaki membuat pembayaran balik Keseluruhan Pembiayaan Tersebut melalui kaedah potongan gaji majikan yang diuruskan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Sebarang kelonggaran kepada Fasal ini adalah tertakluk kepada budi bicara mutlak PERBADANAN.

Tandatangan ringkas

nurain-----
T.T Penerima Biaya**CONTOH**

7. Lembaga Hasil Dalam Negeri atau mana-mana ejen lain yang dilantik oleh PERBADANAN menjadi ejen pemungutan untuk dan bagi pihak PERBADANAN untuk mendapatkan pembayaran balik Keseluruhan Pembiayaan Tersebut yang kena dibayar balik oleh PENERIMA BIAYA kepada PERBADANAN adalah berkuasa memaklumkan secara bertulis kepada seseorang majikan yang mengambil PENERIMA BIAYA bekerja untuk memotong daripada gaji PENERIMA BIAYA apa-apa jumlah wang yang merupakan amaun bayaran balik bulanan yang dikehendaki daripada PENERIMA BIAYA bagi tujuan pelepasan Keseluruhan Pembiayaan Tersebut dan kemudiannya diremitkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri atau mana-mana ejen lain yang dilantik. Bagi PENERIMA BIAYA yang bekerja sendiri, PENERIMA BIAYA hendaklah membuat pembayaran balik Keseluruhan Pembiayaan Tersebut terus kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri atau mana-mana ejen lain yang dilantik mengikut amaun bayaran balik bulanan Keseluruhan Pembiayaan Tersebut yang telah ditetapkan di dalam Perjanjian Pembiayaan Pendidikan atau di dalam notis bayaran balik yang dihantar kepada PENERIMA BIAYA.
8. PERBADANAN berhak mengenakan Upah Pengurusan Pembiayaan sebanyak 1% setahun atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh PERBADANAN dari semasa ke semasa ke atas Jumlah Pembiayaan sepanjang tempoh bayaran balik yang ditetapkan mulai Tarikh Permulaan Bayaran Balik Pembiayaan Tersebut.
9. Tiada apa-apa yang terkandung dalam Fasal 7 boleh menjejaskan hak dan kuasa PERBADANAN untuk menuntut bayaran balik Keseluruhan Pembiayaan Tersebut terus daripada PENERIMA BIAYA.
10. Bagi PENERIMA BIAYA yang gagal membuat pembayaran balik Keseluruhan Pembiayaan Tersebut menurut Perjanjian Pembiayaan Pendidikan, PERBADANAN boleh memberi notis kepada PENERIMA BIAYA supaya membayar balik sekaligus baki Keseluruhan Pembiayaan Tersebut termasuk ansuran bulanan yang tertunggak.
11. Bagi PENERIMA BIAYA yang lewat membayar mana-mana ansuran bulanan sebagaimana yang ditetapkan oleh PERBADANAN, PENERIMA BIAYA adalah bertanggungjawab untuk membayar ta'wid (pampasan) kepada PERBADANAN dikira pada kadar 1% setahun atas baki bulanan di atas amaun yang lewat dibayar. Amaun ta'wid (pampasan) terhadap kelewatan membayar adalah dikira dari tarikh ansuran kena dibayar sehingga bayaran diterima oleh PERBADANAN.
12. PENERIMA BIAYA adalah bertanggungjawab memaklumkan kepada PERBADANAN secara bertulis alamat terkini tempat tinggalnya dan alamat terkini tempat bekerjanya dan pendapatannya dengan serta merta kepada PERBADANAN dari semasa ke semasa.
13. PENERIMA BIAYA hendaklah mengemukakan semula Borang Maklumat Potongan Gaji kepada PERBADANAN jika berlaku pertukaran majikan PENERIMA BIAYA.
14. PENERIMA BIAYA bertanggungjawab memberitahu PERBADANAN secara bertulis berkenaan pemberian apa-apa biasiswa, dermasiswa, pembiayaan, pinjaman, tajaan atau lain-lain bentuk bantuan kewangan yang diberikan kepadanya semasa berjalannya kursus pengajian yang baginya Pembiayaan

Tandatangan ringkas

nurain

T.T Penerima Biaya

CONTOH

Tersebut di bawah Perjanjian Pembiayaan Pendidikan telah diberikan selepas sahaja pemberian biasiswa, dermasiswa, pembiayaan, pinjaman, tajaan atau lain-lain bentuk bantuan kewangan atau selainnya yang diberikan oleh mana-mana agensi Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau lain-lain badan yang pemberian biasiswa, dermasiswa, pembiayaan, pinjaman, tajaan atau lain-lain bentuk bantuan kewangan yang pengeluaran wang tersebut diluluskan oleh Kerajaan untuk tidak dikenakan cukai pendapatan. Apabila PERBADANAN menerima notis itu daripada PENERIMA BIAYA, PERBADANAN adalah berhak untuk menarik balik atau berhenti memberi apa-apa jumlah selanjutnya berkenaan dengan Pembiayaan Tersebut dan meminta PENERIMA BIAYA membayar balik apa-apa jumlah Pembiayaan Tersebut yang dibayar kepadanya dengan serta-merta termasuk Upah Pengurusan Pembiayaan. Kegagalan PENERIMA BIAYA untuk memberitahu sedemikian hendaklah disifatkan sebagai suatu pelanggaran terhadap Perjanjian Pembiayaan Pendidikan dan PERBADANAN berhak menamatkan Perjanjian Pembiayaan Pendidikan tanpa memberi sebarang pemberitahuan notis bertulis kepada PENERIMA BIAYA. Jika Perjanjian ditamatkan di bawah Fasal ini, PENERIMA BIAYA hendaklah bertanggungjawab membayar balik sekaligus jumlah Pembiayaan Tersebut yang dibayar kepada PENERIMA BIAYA termasuk Upah Pengurusan Pembiayaan.

15. Tanpa menjejaskan Fasal 14 Lampiran ini, PERBADANAN boleh atas budi bicara mutlaknya meminta PENERIMA BIAYA menjelaskan apa-apa jumlah Pembiayaan Tersebut yang dibayar kepadanya termasuk Upah Pengurusan Pembiayaan sama ada melalui ansuran bulanan atau pemotongan sejumlah amaun yang dipersetujui daripada penaja PENERIMA BIAYA yang baru sama ada agensi Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau lain-lain badan yang dinyatakan di bawah Fasal 14 Lampiran ini.

16. Jika PENERIMA BIAYA melakukan pelanggaran terhadap mana-mana Fasal dalam Lampiran Perjanjian Pembiayaan Pendidikan, PERBADANAN boleh, menurut budi bicara mutlaknya, menamatkan Perjanjian Pembiayaan Pendidikan dan dengan itu tanpa menyentuh hak-hak PERBADANAN termasuk untuk menuntut bayaran balik sekaligus ke atas Keseluruhan Pembiayaan Tersebut termasuk ta'wid (pampasan) daripada PENERIMA BIAYA di bawah Perjanjian Pembiayaan Pendidikan dan PENERIMA BIAYA tidaklah lagi mempunyai apa-apa tuntutan ke atas apa-apa manfaat Perjanjian Pembiayaan Pendidikan.

17. Walau apa pun yang tersebut di atas, adalah selanjutnya dipersetujui dan diakui bahawa jika PENERIMA BIAYA:

- (a) meninggalkan kursus pengajian sebelum tamatnya kursus itu sama ada secara sukarela, atau disebabkan kegagalan;
- (b) melanggar apa-apa peraturan universiti, kolej atau institusi yang ditetapkan ke atas PENERIMA BIAYA;
- (c) menukarkan kursus pengajian, tanpa persetujuan bertulis PERBADANAN;
- (d) digantung daripada kursus pengajian atau dibuang dari universiti, kolej atau institusi di mana kursus pengajian itu atau mana-mana bahagiannya dijalankan atas apa-apa sebab;
- (e) memasuki perjanjian dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) atau mana-mana agensi yang berkenaan untuk mentadbir urusan kewangannya;
- (f) diisytihar bankrap oleh Mahkamah; atau
- (g) telah melakukan apa-apa pelanggaran yang menyebabkan Perjanjian Pembiayaan Pendidikan ditamatkan.

PERBADANAN berhak menamatkan Perjanjian Pembiayaan Pendidikan tanpa memberi sebarang pemberitahuan notis bertulis kepada PENERIMA BIAYA dan PENERIMA BIAYA hendaklah bertanggungjawab membayar balik jumlah Pembiayaan Tersebut yang dikeluarkan kepada PENERIMA BIAYA termasuk Upah Pengurusan Pembiayaan sekaligus.

Tandatangan ringkas

nurain

T.T Penerima Biaya

CONTROLLER

18. Walau apa pun yang tersebut di atas, PERBADANAN boleh menurut budi bicara mutlaknyanya tanpa memberi sebarang pemberitahuan notis bertulis kepada PENERIMA BIAYA menamatkan Perjanjian Pembiayaan Pendidikan pada bila-bila masa, jika PERBADANAN mendapati PENERIMA BIAYA memberi maklumat palsu atau tidak tepat dalam apa-apa dokumen yang dikemukakan dan dengan ini segala manfaat bagi dan tanggungan PENERIMA BIAYA di bawah Perjanjian Pembiayaan Pendidikan adalah terhenti tanpa menjejaskan hak PERBADANAN untuk mendapatkan kembali apa-apa Pembiayaan yang telah dikeluarkan oleh PERBADANAN kepada PENERIMA BIAYA di bawah Perjanjian Pembiayaan Pendidikan.

19. Tanpa menjejaskan Fasal 7 Lampiran ini, jika PERBADANAN menyediakan satu skim pembayaran balik berkenaan wang yang kena dibayar oleh PENERIMA BIAYA ke atas Keseluruhan Pembiayaan Tersebut kepada PERBADANAN selain daripada yang ditetapkan di bawah Fasal 7, PENERIMA BIAYA adalah dengan ini memberi persetujuan yang tidak boleh dibatalkan untuk membenarkan PERBADANAN membuat perkiraan dengan sesiapa jua majikan PENERIMA BIAYA kemudian nanti supaya pendapatannya dipotong dengan sewajarnya bagi pihak PERBADANAN. PERBADANAN adalah berhak pada bila-bila masa untuk mengubah kadar Upah Pengurusan Pembiayaan, cara dan/atau masa bagi pembayaran balik itu dan meminta pembayaran balik dengan serta-merta bagi Keseluruhan Pembiayaan Tersebut atau sebanyak mana yang masih belum dibayar menurut budi bicara mutlaknyanya tanpa memberi apa-apa sebab baginya. PERBADANAN juga berhak pada bila-bila masa untuk meminta mana-mana Agensi Kerajaan Persekutuan atau Negeri termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau Pertubuhan Keselamatan Sosial membayar daripada saguhati persaraan atau caruman PENERIMA BIAYA bagi tujuan pelepasan Keseluruhan Pembiayaan Tersebut.

20. PENERIMA BIAYA dengan ini memberi pengakuan akan membayar balik kepada PERBADANAN apabila dituntut semua kos dan perbelanjaan untuk menuntut, menyaman atau mendapatkan balik apa-apa wang terhutang oleh PENERIMA BIAYA kepada PERBADANAN atau menguatkuasakan apa-apa tanggungan lain di bawah Perjanjian Pembiayaan Pendidikan.

21. PENERIMA BIAYA dengan ini memberi kebenaran kepada PERBADANAN untuk menghubungi bank PENERIMA BIAYA, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial atau mana-mana agensi lain untuk mendapatkan maklumat berkaitan PENERIMA BIAYA apabila diperlukan bagi tujuan menguatkuasakan Perjanjian Pembiayaan Pendidikan.

22. Duti setem yang kena dibayar kepada Perjanjian Pembiayaan Pendidikan hendaklah ditanggung dan dibayar oleh PENERIMA BIAYA.

23. Sebarang kelonggaran, penangguhan tindakan, kelewatan, atau sikap membiarkan oleh PERBADANAN atau wakil yang dilantik oleh PERBADANAN berkenaan dengan melaksanakan mana-mana syarat dan terma Perjanjian Pembiayaan Pendidikan ataupun pemberian masa oleh PERBADANAN kepada PENERIMA BIAYA, tidak akan dengan apa cara sekalipun memudaratkan,

memberi kesan atau mengurangkan hak-hak dan kuasa PERBADANAN di bawah Perjanjian Pembiayaan Pendidikan, begitu juga sebarang penepian oleh PERBADANAN akan pelanggaran oleh PENERIMA BIAYA tidak akan bertindak sebagai penepian terhadap pelanggaran yang berikutnya.

24. Walau apa pun yang tersebut di atas, sekiranya apa-apa peruntukan di dalam Perjanjian Pembiayaan Pendidikan adalah atau menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan di dalam apa-apa hal sekalipun di bawah apa jua undang-undang, keesahan dari segi undang-undang atau kebolehan untuk dikuatkuasakan peruntukan-peruntukan yang lain tidak akan dalam apa cara sekalipun dijejaskan atau menamatkan olehnya.

25. PERBADANAN adalah dibebaskan dan tidak bertanggungjawab bagi sebarang ketinggalan atau kegagalan dalam melaksanakan Perjanjian Pembiayaan Pendidikan jika ketinggalan atau kegagalan itu timbul daripada keadaan-keadaan darurat seperti rusuhan dan kekecohan awam, mogok, kebakaran, tawaran peperangan, bahaya laut atau kerana sebab-sebab atau bahaya yang di luar kawalan PERBADANAN yang menyebabkan pelaksanaan Perjanjian Pembiayaan Pendidikan menjadi mustahil termasuklah perubahan-perubahan dasar Kerajaan yang di luar kawalan PERBADANAN.

Tandatangan ringkas

nurain

T.T Penerima Biaya

26. Sebarang notis yang hendak diberi oleh PERBADANAN mengenai pembayaran balik Keseluruhan Pembiayaan Tersebut kepada PENERIMA BIAYA termasuk Saman, Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan akan menjadi penyampaian yang cukup kepada PENERIMA BIAYA jika dihantar dengan tangan atau dihantar melalui pos atau pos berdaftar atau ditinggalkan di alamat seperti yang tersebut dalam Perjanjian Pembiayaan Pendidikan atau kepada alamat terkini yang diberikan oleh PENERIMA BIAYA secara bertulis kepada PERBADANAN di bawah Fasal 12 dan jika dihantar melalui pos hendaklah disifatkan sebagai diterima oleh PENERIMA BIAYA selepas empat puluh lapan (48) jam notis tersebut diposkan.
27. Sebarang notis yang hendak diberikan oleh PENERIMA BIAYA kepada PERBADANAN hendaklah secara bertulis dan menjadi penyampaian yang cukup kepada PERBADANAN jika dihantar dengan tangan atau dihantar melalui pos atau pos berdaftar kepada PERBADANAN di alamat seperti yang tersebut dalam Surat Tawaran yang dibaca bersama-sama dengan Perjanjian Pembiayaan Pendidikan. Jika berlaku pertukaran alamat, PERBADANAN akan memaklumkan perkara tersebut kepada PENERIMA BIAYA.
28. Walau apa pun yang tersebut di atas, PERBADANAN berhak pada bila-bila masa menurut budi bicara mutlaknya meminda atau menambah terma-terma atau syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Pembiayaan Pendidikan.
29. Seseorang PENERIMA BIAYA yang ingin meninggalkan Malaysia dan masih dalam tempoh bayaran balik Pembiayaan Tersebut adalah bertanggungjawab memberi notis tiga (3) bulan kepada PERBADANAN. PERBADANAN boleh mengikut budi bicara mutlaknya meminta PENERIMA BIAYA untuk membuat bayaran balik sekaligus Keseluruhan Pembiayaan Tersebut sebelum PENERIMA BIAYA meninggalkan Malaysia.
30. Perjanjian Pembiayaan Pendidikan ini adalah dianggap sebagai kontrak yang dibuat di bawah Undang-Undang Malaysia dan bagi semua tujuan akan tertakluk kepada tafsir menurut Undang-Undang Malaysia dan PENERIMA BIAYA adalah dengan ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah di Kuala Lumpur atau mana-mana Mahkamah sebagaimana yang ditentukan oleh PERBADANAN dan PENERIMA BIAYA adalah dengan ini mengeneppikan sebarang bantahan terhadap apa-apa tindakan undang-undang yang berbangkit atau yang berkenaan dengan Keseluruhan Pembiayaan Tersebut yang dibawa di dalam Mahkamah di Kuala Lumpur atau mana-mana Mahkamah di bawah Undang-Undang Malaysia sama ada atas alasan lokasi atau forum yang menyusahkan.
31. Walau apa pun yang tersebut di atas, PERBADANAN boleh menurut budi bicara mutlaknya tanpa memberi sebarang pemberitahuan notis bertulis kepada PENERIMA BIAYA menggabungkan, menyatukan atau mencantumkan semua atau mana-mana Pembiayaan PENERIMA BIAYA dengan PERBADANAN dan PERBADANAN boleh menolak atau memindahkan apa-apa jumlah Pembiayaan termasuk Upah Pengurusan Pembiayaan bagi mana-mana Pembiayaan PENERIMA BIAYA dengan PERBADANAN mengikut apa-apa terma dan syarat yang disifatkan oleh PERBADANAN patut dikenakan.
32. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa walau apa pun yang berlawanan yang terkandung di atas, PERBADANAN adalah berhak menurut budi bicara mutlaknya menarik balik kemudahan Pembiayaan Tersebut sekiranya pada pendapat PERBADANAN munasabah dan PENERIMA BIAYA adalah bertanggungjawab menjelaskan sekaligus baki Keseluruhan Pembiayaan Tersebut yang masih ada dari tarikh notis dikeluarkan oleh PERBADANAN.
33. PENERIMA BIAYA adalah dengan ini bersetuju bahawa perakuan yang dikeluarkan oleh PERBADANAN dan telah diperakui sah oleh Ketua Eksekutif atau mana-mana pegawai yang diberikuasa memperakui, hendaklah tanpa sebarang kesilapan nyata menjadi bukti konklusif mengenai amaun Pembiayaan Pendidikan yang belum dijelaskan dan kena dibayar oleh PENERIMA BIAYA kepada PERBADANAN bagi tujuan bayaran balik Pembiayaan Pendidikan tersebut.
34. Perjanjian ini hendaklah mengikat waris-waris, wasi-wasi penerima-penerima sah atau PENERIMA BIAYA.
35. Masa adalah menjadi perkara asas di dalam Perjanjian Pembiayaan Pendidikan.

Tandatangan ringkas

nurain

T.T Penerima Biaya